

MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Kemampuan Adalah Komitmen Kami



BULETIN MPSP

BIL.03/2015

SEPTEMBER-DISEMBER 2015

Isi Kandungan

- 1 PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN
- 2 GOLF TYT, JAKARTA, INDONESIA
- 3 MAJLIS PENYERAHAN PASU BUNGA KEPADA SEKOLAH SPS
- 4 MAJLIS PERASMIAN BULATAN BUKIT TENGAH
- 5 MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGURUSAN JMB/MC TERBAIK (APJMT) DAN SEMINAR AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) MPSP
- 6 MAJLIS PECAH TANAH PASAR TAMAN INDERAWASIH
- 7 PENYAMPAIAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU
- 8 PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MENGUMPUL BARANG KITAR SEMULA
- 9 PENANG GREEN AWARD CEREMONY
- 10 MAJLIS PERASMIAN JAMBATAN MELINTAS PARIT PANGSAPURI EMAS
- 11 YALA MUNICIPALITY YOUTH ORCHESTRA
- 12 PELANCARAN KONTRAK KOMUNITI PPR AMPANGAN
- 13 SAMBUTAN HARI LANDSKAP 2015 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
- 14 MAJLIS SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
- 15 HARI ALAM SEKITAR PULAU AMAN
- 16 LARIAN BERSIH HIJAU MPSP DI MACHANG BUBOK
- 17 ECO TOURISM FORUM : SEBERANG PERAI POTENTIALITY
- 18 PENANAMAN POKOK BAKAU PERAI
- 19 ANUGERAH DAN PENCAPAIAN MPSP 2015
- 20 CAR FREE MORNING ANJURAN MPSP
- 21 FUN DRIVE TRESURE HUNT TOURISM MALAYSIA
- 22 MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
- 23 LARIAN SIHAT MEMBASMI ARAK MURAH 2015 DI DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH
- 24 MAJLIS PELANCARAN KOMPOSTER AEROB SMK GEMILANG
- 25 PELANCARAN SISA SIFAR DI AADK BUKIT MERTAJAM

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT
TUAN Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR
ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR
PUAN SALEMAH BINTI AYOB
JAWATANKUASA BULETIN MPSP

JURUGAMBAR
ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM

PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN



Anugerah Komuniti Mampan 2014 adalah salah satu daripada program di bawah Program Local Action 21 Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama dan tajaan daripada Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd. Syarikat tersebut telah menaja program ini untuk tahun ke tiga, selama ianya diadakan dan memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM11,500.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan.

Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.



Anugerah Komuniti Mampan dinilai daripada beberapa kriteria iaitu Perancangan dan Pengurusan, Amalan Sisa Sifar (4R), Kebersihan dan Penghijauan dan akhir sekali Penglibatan Komuniti. Anugerah ini telah diadili oleh Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd sebagai ketua penilai dan dianggotai oleh Pasukan Kerja LA21 MPSP.



GOLF TYT, JAKARTA, INDONESIA





MAJLIS PENYERAHAN PASU BUNGA KEPADA SEKOLAH SPS



Syarikat Malaysian Automotive Lighting Sdn Bhd telah menaja 330 buah pasu bunga yang ditanam dengan pokok bunga. Pemberian pasu bunga ini adalah kepada 33 buah sekolah di seluruh Seberang Perai Selatan yang terlibat dengan program Anugerah Sekolah Hijau yang dijalankan oleh pihak MPSP. Setiap sekolah akan menerima 10 buah pasu bunga. Jumlah penajaan dari Malaysian Automotive Lighting Sdn Bhd untuk program ini adalah sebanyak RM5445.00 (RM16.50X330).



Penilaian Anugerah Sekolah Hijau merangkumi 10 kriteria iaitu amalan 4R, penggunaan sisa makan, penggunaan minyak masak terpakai, bahan pembersih, pengurangan beg plastik, penanaman pokok, penjimatan tenaga, penjimatan air, kebersihan kawasan sekolah dan aktiviti lain yang kreatif dan berinovasi.



MAJLIS PERASMIAN BULATAN BUKIT TENGAH



Majlis Perasmian Projek CSR Bulatan Bukit Tengah telah diadakan pada 1 Oktober 2015. Projek CSR Bulatan Bukit Tengah dijalankan oleh DNP Land yang telah mengindahkan kawasan Bulatan Bukit Tengah.

Konsep rekabentuk untuk Bulatan Bukit Tengah ini adalah berkonsepkan Perpaduan (*Seeds of Joy*). Projek 4P's (*Public, Private, People Partnership*) dan CSR ini bernilai RM 800,000.00. Projek pengindahan ini telah bermula pada 16 Julai 2014 dan siap pada 30 September 2014.

Program CSR (*Corporate Social Responsibility*) adalah satu mekanisme 4P's (*Public, Private, People Partnership*) MPSP untuk merapatkan lagi perhubungan diantara orang ramai dan MPSP. Dengan adanya Program 4P's dan CSR ini, MPSP dan orang ramai boleh berganding bahu untuk menjaga dan menambah baik alam sekitar. Mekanisma CSR dan 4 P's ini telah banyak membantu MPSP dalam menambah baik perkhidmatan dengan adanya penglibatan bersama orang ramai dan membantu dalam kewangan MPSP. CSR dan 4 P's ini boleh dijalankan dalam bentuk projek dan kegiatan aktiviti. CSR dan 4P's ini juga boleh dijalankan oleh individu, syarikat, persatuan, pemaaju, industri, sekolah dan lain-lain.

Projek 4P's dan CSR ini dapat membantu MPSP dalam mengindahkan dan menghijaukan kawasan MPSP selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang.





Majlis Penyampaian Anugerah Pengurusan JMB/MC Terbaik (APJMT) dan Seminar Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) MPSP diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) kategori kos rendah dan sederhana yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata.

Objektif Anugerah Pengurusan JMB/MC Terbaik (APJMT) ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan secara formal kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengurusan bangunan di kawasan masing-masing. Seterusnya, memberi maklumbalas kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk meningkatkan usaha-usaha penambahbaikan dalam pengurusan dan penyenggaraan serta penyampaian perkhidmatan kepada penduduk bangunan strata.

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGURUSAN JMB/MC TERBAIK (APJMT) DAN SEMINAR AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) MPSP



MAJLIS PECAH TANAH PASAR TAMAN INDERAWASIH



Majlis ini dijalankan adalah untuk penempatan semula peniaga-peniaga dari Pasar Lama Perai ke bersebelahan Kompleks Makanan Taman Inderawasih, Perai, Seberang Perai Tengah. Jumlah peniaga yang dibanci adalah seramai 23 orang (22 orang peniaga berniaga dalam pasar dan seorang berniaga di luar pasar).

Di samping itu, projek ini juga telah dibiayai di bawah peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Projek Khas Ekonomi dengan anggaran peruntukan RM150,000.00.





PENYAMPAIAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU

Anugerah Sekolah Hijau diadakan adalah bertujuan untuk mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini telah ditaja oleh Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd.

Selain daripada Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Kitar Semula juga turut diadakan pada tahun ini dan sebanyak 33 buah sekolah telah menyertai program ini.

Johan bagi kategori sekolah rendah dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh manakala johan bagi kategori sekolah menengah pula dimenangi oleh Sekolah Menengah Seri Muda, Penaga.



PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MENGUMPUL BARANG KITAR SEMULA

Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah betapa pentingnya menjalankan kitar semula dan mengurangkan kegunaan sumber semula jadi.

Syarikat Infitech Machinery telah menjadi penaja hadiah-hadiah pertandingan bagi program ini. Tempoh pertandingan adalah mulai 30 Mac 2015 hingga 31 Oktober 2015. Pemenang telah diberikan ganjaran alat-alat senaman "outdoor" seperti *Air Walker*, *Leg Press*, *Waist Twister (Trio)*, *Back Waist Massager* dan *Tai Chi Spinner*.

Sebanyak 33 buah sekolah yang mendaftar namun hanya 28 sekolah sahaja yang berjaya mengumpul bahan yang boleh dikitar semula.

Pemenang bagi kategori johan sekolah rendah dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh manakala, kategori johan bagi sekolah menengah pula adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Sheh Barakbah.



PENANG GREEN AWARD CEREMONY

Majlis Penyampaian Anugerah Green Penang adalah bagi meraikan mereka yang telah melakukan perbezaan dalam membantu Pulau Pinang ke arah hijau sama ada melalui amalan baik, menggalakkan pendidikan kesedaran dan memperkenalkan teknologi hijau yang berdaya maju.

Tahun ini, PGC telah memperkenalkan dua anugerah baru, Anugerah Pemuliharaan Alam Sekitar Pulau Pinang dan Anugerah Kemampanan Alam Sekitar Pulau Pinang.





Perasmian ini telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Tujuan pembinaan projek ini adalah untuk mewujudkan laluan alternatif kepada penduduk Pangsapuri Emas dan Taman Melur dan juga memendekkan tempoh masa perjalanan bagi penduduk sekitar memandangkan orang awam tidak perlu melalui Jalan Raja Uda. Secara tidak langsung, keadaan ini dapat mengurangkan jumlah kenderaan yang menggunakan Jalan Raja Uda dan kesesakan dapat dikurangkan.

MAJLIS PERASMIAN JAMBATAN MELINTAS PARIT PANGSAPURI EMAS



YALA MUNICIPALITY YOUTH ORCHESTRA



Pada 23 November 2015, Yala City Municipality Youth Orchestra telah menjayakan pertunjukkan orkestra di SP Arena, Seberang Perai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yang Dipertua MPSP.

Di dalam ucapan Dato' Maimunah Mohd Sharif, Yala City Municipality Youth Orchestra dianggap tali penghubung menerusi muzik antara Yala dengan Seberang Perai. Pertunjukkan orkestra ini merupakan satu penghargaan kepada penduduk-penduduk Seberang Perai yang hadir mendengar pertunjukkan ini dan menyaksikan sambutan persahabatan melalui muzik antara Yala dengan Seberang Perai.



PELANCARAN KONTRAK KOMUNITI PPR AMPANGAN

Kontrak komuniti program pembersihan ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun bermula pada 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016.

Antara objektif kontrak ini diadakan adalah untuk menjadi suara penduduk dan orang tengah di antara penduduk PPR dan Kerajaan Tempatan serta dapat mendekatkan jurang di antara penduduk dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu, di bawah projek MPSP bersama dengan PWDC iaitu projek Bajet Responsif Gender Dan Partisipatori (GRPB) terdapat dua (2) lagi projek yang telah dilaksanakan di Pangsa PPR Ampangan pada tahun ini iaitu penubuhan pejabat Persatuan Penduduk PPR Ampangan dan Pusat Sumber Pangsa PPR Ampangan.



Kontrak ini dapat memberikan kelebihan kepada penduduk setempat kerana dapat menjana pendapatan melalui kerja –kerja pembersihan.

Tambahan lagi, MPSP juga menanggung kos perbelanjaan kira-kira RM30,000 sebulan untuk kos penyelenggaraan dan perbelanjaan bagi memenuhi keselesaan dan kemudahan kepada penduduk setempat.

Justeru, MPSP berharap dengan kontrak komuniti pembersihan dan juga landskap yang diserahkan kepada Persatuan Penduduk PPR Ampangan ini, kualiti kebersihan di Pangsa PPR Ampangan ini akan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik lagi.



SAMBUTAN HARI LANDSKAP 2015 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Bukit Mertajam, SPT dipilih untuk sambutan pada tahun ini kerana taman ini merupakan sebuah taman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah. Taman ini adalah seluas 10.10 ekar dan telah diwartakan sebagai taman rekreasi oleh Kerajaan Negeri dan diselenggarakan oleh MPSP.

Tema yang dipilih untuk sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah 'Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat'. Tema ini memberi penekanan kepada mewujudkan komuniti yang lebih sihat melalui penyediaan taman-taman awam selaras dengan "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang".

Sempena dengan sambutan Hari Landskap, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pameran Jabatan-Jabatan MPSP, Pameran Agensi-Agensi Kerajaan dan lain-lain juga telah diadakan.



MAJLIS SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



Kempen Tandas Bersih Negeri Pulau Pinang dianjurkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Turut terlibat adalah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan Quality Restroom Association of Malaysia (Q-RAM) Pulau Pinang yang turut membantu Kerajaan Negeri dalam menjayakan kempen ini.



Kempen tandas bersih negeri lebih bermatlamat dan memberi kesan langsung kepada masyarakat, Kerajaan Negeri akan terus memperkemaskan Strategi 4P iaitu Strategi Pemulihan, Strategi Pengiktirafan, Strategi Pendidikan Awal dan Strategi Pemantauan dan Penguatkuasaan. Pelaksanaan Strategi 4P ini akan berlandaskan kepada inisiatif *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*.

Selain itu, MPSP juga telah berjaya memenangi anugerah bagi kategori johan dan dua saguhati.



HARI ALAM SEKITAR PULAU AMAN

Hari Alam Sekitar Pulau Aman, merupakan langkah dan inisiatif yang diharapkan dapat memacu penduduk Pulau Aman khususnya dan para pelancong amnya, dalam menjadikan Pulau Aman sebuah destinasi pelancongan yang mampan. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memasukkan nama Pulau Aman di dalam *Seberang Perai Tourist Map* dalam usaha untuk memperkenalkan Pulau Aman kepada pelancong.



MPSP berharap agar penduduk Pulau Aman bersama-sama MPSP dalam aktiviti 4R bagi mengurangkan penjejakan sampah. MPSP juga berharap tiada lagi wujudnya tempat pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka di pulau ini. Jika amalan kitar semula dan pengasingan sisa menjadi amalan harian penduduk tempatan maka Pulau Aman akan kekal lebih bersih, hijau, selamat dan sihat bagi penduduk tempatan serta industri pelancongannya.



Di akhir program Hari Alam Sekitar Pulau Aman, Dato' Maimunah Mohd Sharif menghadihkan pokok bunga hiasan yang dibawa oleh MPSP sempena program tersebut kepada penduduk-penduduk Pulau Aman untuk bersama mengindahkan lagi Pulau Aman.

LARIAN BERSIH HIJAU MPSP DI MACHANG BUBOK

Larian Bersih Hijau MPSP ini dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat serta mampu meningkatkan taraf kesihatan dan seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti kehidupan mereka.

Program larian ini dibahagikan kepada 3 aktiviti utama iaitu:- 1) Larian Bersih Hijau atau "Fun Ride" sepanjang 6km yang dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Kategori Wanita dan Kategori Lelaki, 2) Pertandingan Gotong Royong di 3 kawasan iaitu Taman Machang Bubok, Kampong Machang Bubok dan Taman Jambu. 3) Pertandingan Melukis Kanak-Kanak yang bertema Bersih Hijau vs. Demam Denggi.

Objektif utama ketiga-tiga aktiviti pada pagi ini adalah untuk memastikan taraf kesihatan masyarakat khususnya KADUN Machang Bubok terjamin dan bebas dari penyakit. Namun usaha-usaha Pusat Khidmat KADUN Machang Bubok, Ahli Majlis, JKKK kawasan dan MPSP tidak akan berjaya tanpa penglibatan masyarakat keseluruhannya untuk bersama-sama bertindak mengubah tabiat dan gaya hidup tidak sihat seperti membuang sampah di merata tempat dan membiarkan bekas-bekas yang berpotensi menakung air.





ECO TOURISM FORUM : SEBERANG PERAI POTENTIALITY

Eco-tourism merupakan satu industri yang sedang berkembang pesat pada masa kini. Selain daripada menjana pendapatan, ia juga dapat mempromosikan usaha-usaha ke arah memelihara dan memulihara flora dan fauna.

Sektor *eco-tourism* bukan saja dapat menjana pendapatan penduduk tetapi juga akan mewujudkan peluang untuk pemuliharaan, pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar. Oleh itu, tidak dinafikan Seberang Perai merupakan kawasan yang kaya dengan alam semulajadi yang juga boleh menjadi destinasi *eco-tourism* utama di rantau ini.

Dengan hasil usaha sendiri MPSP telah mengeluarkan edisi ke tiga (3) *Tourist Map*. Ini merupakan salah satu usaha daripada MPSP untuk mempromosikan kawasan *eco-tourism*. Selain itu, MPSP juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan dan Warisan yang menjalankan usaha-usaha untuk menaikkan nama beberapa tempat yang berpotensi untuk *eco-tourism* seperti di kawasan Teluk Air Tawar, Guar Kepah, Pulau Aman dan lain-lain.



PENANAMAN POKOK BAKAU PERAI



Pada 31 Disember 2015 Program Penanaman Pokok Bakau telah diadakan di tepi Sungai Perai. Sebanyak 300 anak pokok bakau minyak (*Rhizophora Apiculata*) dan 300 anak pokok bakau kurap (*Rhizophora Mucronata*) telah ditanam pada program tersebut.

Program ini juga memberi peluang kepada jemputan yang hadir untuk merasai sendiri pengalaman menanam pokok bakau. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pokok bakau kepada masyarakat.





Anugerah dan Pencapaian MPSP 2015 Peringkat Negeri

1. Johan dalam Pertandingan Tandas Bersih
2. Saguhati untuk Kategori Agensi Kerajaan
3. Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
 - Anugerah Khas untuk Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)
 - Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
 - Naib Johan untuk Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT)
4. Naib Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) & Anugerah Persembahan Terbaik
5. MPSP telah dipersijilkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang dari Penang Green Council untuk kali kedua. (September 2015 - September 2017)

Peringkat Kebangsaan


1. Naib Johan dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam 2015 (AISA)
2. Naib Johan dalam Anugerah Khas Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau
3. Anugerah Kualiti Sirim 2015 (Kategori Agensi Kerajaan)
4. Pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBR) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang menerima lima (5) Persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti iaitu :
 - Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
 - Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
 - Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
 - Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
 - Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S(QEMS)
5. Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) KPKT 2015 iaitu :
 - Kaunter Bergerak Multi Skill
 - Profesional Sniper Gadget (PSG)
 - Sistem Pemantauan Pintar (SPP)
 - Self Manage Recycle Center (SMRC)



Peringkat Antarabangsa

MOU FRIENDSHIP CITY DIANTARA MPSP BERSAMA CITY OF YOKOHAMA







MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700 Website: www.mpsp.gov.my Email: webmaster@mpsp.gov.my